

KONDOM WANITA CEGAH KEHAMILAN TIDAK DIRANCANG

SELAMA INI MASYARAKAT LEBIH MENGETAHUI DAN MENGENAL KONDOM LELAKI BERBANDING WANITA, MESKIPIUN KURANG DIKENALI, KONDOM WANITA JUGA TERGOLONG DALAM SALAH SATU ALAT KONTRASEPSI YANG DAPAT MEMBANTU MENCEGAH TERJADINYA KEHAMILAN. DI SAMPING ITU JUGA, KONDOM WANITA MEMILIKI KEMAMPUAN UNTUK MEMBERIKAN PERLINDUNGAN TERHADAP BERBAGAI-BAGAI JENIS JANGKITAN TERMASUKAH PENYAKIT SEKSUAL.

FOTO: AMY MOHD



BAGAIMANA caranya untuk memakai kondom wanita? Ia adalah berbeza dengan cara pemakaian kondom untuk lelaki. Rupa bentuk bagi kondom wanita adalah lebih lebar, nipis, longgar serta lengkap dengan cincin fiksibel di bahagian kedua-dua hujungnya. Satu cincin terbuka sementara cincin yang lain tertutup. Hujung cincin yang tertutup kemudian akan disisipkan ke dalam vagina untuk menampung air mani pasangan sewaktu terladinya ejakulasi.

POSISI YANG TEPAT

Kondom boleh dimasukkan ke dalam vagina sekurang-kurangnya lapan jam sebelum mengadakan hubungan intim. Cara memasukkan kondom ialah sama ada dengan berbaring manapun mengangkat satu kaki ke tempat yang lebih tinggi. Setiap wanita mempunyai perbezaan dalam menentukan posisi yang betul ketika menggunakan kondom.

- ▶ Keluarkan kondom daripada bungkusannya dan periksa adakah ia masih utuh dan tidak rosak. Setelah siap, mulakan menggunakan kondom wanita yang baharu setiap kali melakukan hubungan intim. Pastikan juga anda memeriksa keadaan kondom semasa memakainya untuk memastikan kondom tersebut tidak rosak mahupun sudah tamat tempoh.
- ▶ Bahagian kondom yang tertutup dimasukkan ke dalam vagina. Kemudian tekan sehingga cincin bahagian dalam yang lembut berada di antara jari telunjuk serta bujuti anda.
- ▶ Pisahkan bibir vagina dengan menggunakan tangan anda yang lain.

Seterusnya, tekan kondom sehingga sedalam mungkin di vagina.

- ▶ Namun pastikan hujung cincin satunya tetap berada di bahagian luar vagina pada setiap saat.
- ▶ Ketika melakukan hubungan seks pastikan organ sulit lelaki masuk ke dalam kondom wanita. Ingat pertandakan posisi cincin terluar kondom di luar vagina.
- ▶ Untuk mengeluarkan kondom, anda haruslah memusingkan cincin terluar kondom agar air mani tidak tumpah. Kondom yang sudah digunakan kemudian dibungkus dengan tisu lalu dibuang.

JENIS & KELEBIHAN KONDOM

Kondom wanita pertama kali dihasilkan dari bahan *polyurethane*. Kemudian bahan tersebut digantikan pula dengan sintesis *nitrile*. Terbaharu, kondom wanita diperbuat daripada ateks semula jadi, iaitu bahan yang sama dengan kondom lelaki. Kondom yang dihasilkan daripada bahan ini tidak mengeluarkan bunyi sebagaimana kondom generasi pertama. Kini, kondom jenis ini dijual dengan pelbagai rekaian di pasaran.

Terdapat beberapa kelebihan kondom wanita antaranya ialah membantu mencegah kehamilan dengan menghalang pertukaran cairan tubuh sehingga sekali-gus menangkalkan jangkitan penyakit seksual. Kondom wanita juga hanya digunakan ketika melakukan hubungan intim tanpa memerlukan persiapan yang khusus.

ANDA PERLU TAHU

- ▶ Cara penggunaan kondom wanita yang agak sukar antaranya ialah mengganggu

aktiviti seksual. Sekiranya tidak digunakan dengan tepat maka kondom tersebut kemungkinan akan terkoyak, biarpun diperbuat daripada bahan yang kuat.

- ▶ Harga kondom wanita lebih mahal dan tidak dikeluarkan secara meluas berbanding dengan kondom untuk lelaki.
- ▶ Kondom wanita dikategorikan selamat. Tidak risiko kesihatan daripada penggunaannya. Namun begitu, kondom tersebut mungkin tidak sesuai untuk wanita yang tidak merasa selesai menyentuh organ sulit mereka.
- ▶ Umumnya, kondom wanita sudah pun dilengkapi dengan cecair pelincir untuk memudahkan hubungan seksual. Namun begitu, sekiranya anda mahu menggunakan pelincir tambahan, sebaiknya perhatikan terlebih dahulu bahan asasnya.
- ▶ Kondom wanita yang diperbuat daripada bahan lateks sebenarnya tidak menggunakan pelincir yang berasaskan minyak seperti krim atau losyen tubuh. Ini kerana ia boleh membuatkan kondom lebih mudah terkoyak. Sementara kondom yang dihasilkan daripada *polyurethane* boleh menggunakan pelincir yang berasaskan apa sahaja bahan.
- ▶ Sebelum menggunakan, baca terlebih dahulu tentang cara serta waktu penggunaan kondom pada bungkusannya.
- ▶ Perhatikan juga tentang cara penyimpanan yang betul supaya kualitinya tidak terjejas ketika menggunakannya.
- ▶ Jika perlu lakukan konsultasi bersama doktor pakar ataupun ahli perubatan bertauliah dalam pemilihan alat kontrasepsi yang sesuai dengan anda dan pasangan.